

# UPM kekal pertahan kedudukan

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) sekali lagi dinobatkan sebagai universiti terbaik di negara ini dalam UI-GreenMetric World University Ranking 2020 Top 50 Sustainable Universities, sekali gus mempertahankan kedudukannya selama 11 tahun berturut-turut.

UPM dalam kenyataannya berkata, universiti awam (UA) itu juga berjaya mengekalkan kedudukan ke-28 dalam Top 50 Sustainable Universities in The World pada tahun ini, selain disenaraikan sebagai universiti ketiga teratas di Asia.

“Sebanyak 922 universiti daripada pelbagai negara dinilai dalam UI-GreenMetric World University Ranking pada tahun ini.

“Penarafan kampus lestari ini mempunyai lebih 40 kayu ukur meliputi enam skop utama, iaitu infrastruktur, tenaga dan perubahan cuaca, sisa buangan, air, pengangkutan dan pendidikan,” katanya.